

# Sistem baru kupon padi

## Dr.M: Pesawah mudah dapat wang tunai

OLEH ZAINAL ABIDIN BUJAL

ALOR SETAR, Ahad. — Kerajaan akan membuat satu pengumuman penting beberapa hari lagi, mengenai perubahan sistem pemberian kupon subsidi harga padi sekarang, demikian menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bellau berkata, pengumuman tersebut yang dijangka melegakan penanam-penanam padi akan dibuat oleh Menteri Perumahan Awam Datuk Haji Abdul Manan Osman.

"Saya difahamkan perubahan sistem itu akan memudahkan para penanam padi memperoleh wang tunai daripada kupon yang mereka terima semasa menjual padi", terangnya.

Bellau berkata demikian sebagai mengulas rayuan Pengerusi Lembaga Pengarah Persewaan Peladang Kokbah, Haji Abdul Rashid bin Haji Ahmad di majlis penyerahan jentera pertanian dan baja yang disampaikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir.

Haji Abdul Rashid merayu Kerajaan mengkaji semula cara pemberian subsidi harga padi itu.

Katanya, Kerajaan patut melonggarkan sistem tersebut dengan memberikan wang kepada penanam-penanam padi yang mempunyai kawasan sawah yang kecil.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi jaminan bahawa Kerajaan sedang memberi perhatian terhadap perkara itu.

"Kerajaan tidak pernah memekakkan telinga terhadap rayuan-rayuan penanam-penanam padi, bahkan sentiasa mengambil perhatian dan merancang cara-cara menolong mereka," katanya.

Bellau menyeru petani-petani agar sentiasa insaf dan bersyukur kepada Tuhan kerana sikap demikianlah yang disuruh oleh Islam.

Katanya, Kerajaan Barisan Nasional adalah bertanggungjawab menentukan masa depan rakyat khususnya meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat petani di luar bandar.

"UMNO yang menjadi teras Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah negara ini sentiasa menitikberatkan keperluan rakyat.

### Banyak menolong

Katanya lagi, Kerajaan telah banyak memberi pertolongan dan akan terus membantu para petani di negara ini.

Kini menjadi kenyataan pendapatan para penanam padi lebih lumayan dari dahulu, tegasnya.

Menurutnya, Kerajaan kini sedang berusaha menambahkan pengeluaran padi dengan mengurangkan perbelanjaan yang ditanggung oleh petani-petani di samping memastikan mereka menikmati pendapatan yang berganda.

Bellau berkata, usaha-usaha tersebut dijalankan di Asam Jawa di mana agensi-agensi Kerajaan berikhtiar mencari jalan menambah pengeluaran padi sebanyak 10 peratus dan juga di Jawi Endoi, Perlis yang ditanam secara berkelompok bagi menghasilkan tambahan pengeluaran sebanyak 37 peratus.

Tambahnya, bellau telah mengarahkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) memperkenalkan tanaman padi secara tabur sahaja tanpa menggunakan petak semaian bagi mengurangkan belanja.

"Tujuan Kerajaan adalah menolong petani-petani mengurangkan perbelanjaan semasa mengerjakan sawah masing-masing di samping menam bah hasil pengeluaran agar keuntungan yang diperolehi mereka akan berlipat ganda," katanya.

"Kerajaan akan terus menitikberatkan kepentingan penanam-penanam padi di luar bandar dan memang wajar mereka diberi perhatian kerana di samping penajaah dulu masyarakat luar bandar di ketepikan" tambahnya.

Demi menjaga kepentingan penanam-penanam padi negara ini, tegasnya lagi, Kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu menyekat kemasukan beras dari Thailand, Indonesia, China dan Bangladesh bagi membolchikan mereka menjual beras di pasaran tertutup.

Bellau mer - i jamin, Kerajaan akan tetap menyekat kemasukan beras dari luar meskipun akan menanggung kerugian besar dari cukai import.

Mengenai harga padi, bellau berkata, Harga beras akan melambung dengan kenaikan harga padi akibatnya 12.5 juta rakyat termasuk mereka yang miskin akan menderita manakala 500,000 penanam padi di negara ini memperoleh untung.

Katanya, harga padi sebenarnya telah pun dinaikkan kepada \$32 sepekul sekarang tidak termasuk harga subsidi baja \$2 berbanding kepada \$18 sepekul dalam tahun 1967 lalu.

"Ramai penanam padi tidak sedar bahawa harga padi sekarang sebenarnya ialah \$35 sepekul," katanya.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia